



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	2 / 1 / 2011

# PM jumpa wakil rakyat BN

## Pertemuan bincang isu nasional, persediaan hadapi pilihan raya

Oleh Shaarani Ismail  
[edisingquan@bharian.com.my](mailto:edisingquan@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dijangka mengadakan pertemuan dengan Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional Nasional (BNBBC) minggu depan bagi membincangkan pelbagai isu nasional termasuk insiden membabitkan Ahli Parlimen pembangkang di Dewan Rakyat baru-baru ini dan persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Permukiman atau 'retreat' bersama BNBBC itu sudah menjadi kelaziman setiap kali sidang Dewan Rakyat berehat panjang bagi mendapatkan pandangan, buah fikiran serta laporan daripada semua ahli BNBBC.

Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Idris Haron, berkata perjumpaan membabitkan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Tan



*Pertemuan itu tidak semestinya hanya memfokuskan kepada pilihan raya umum yang bakal berlangsung dalam tempoh terdekat seperti digembar-gemburkan"*

*Idris Haron  
Ahli Parlimen Tangga Batu*

Sri Muhyiddin Yassin dan semua menteri Kabinet bersama Ahli Parlimen BN adalah proses biasa.

"Pertemuan itu tidak semestinya hanya memfokuskan kepada pilihan raya umum yang bakal berlangsung dalam tempoh terdekat seperti digembar-gemburkan.

"Memang setiap kali ketika Parlimen bercuti rehat, BNBBC akan mengadakan pertemuan dan pada tahun ini saja beberapa siri pertemuan membabitkan BNBBC diadakan termasuk di Santubong Sarawak, Karambunai Sabah dan terbaru Mei tahun lalu di Pulau Pangkor Perak.

"Bagi saya pertemuan itu lebih kepada perkongsian maklumat dan pandangan terhadap isu semasa dalam negara lebih-lebih lagi pelbagai isu membabitkan Parlimen seperti kekecohan yang dilakukan pakatan pembangkang baru-baru

ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Idris ketika ditanya sama ada sudah menerima undangan bagi menghadiri pertemuan itu yang dikatakan akan berlangsung Sabtu depan memberitahu sudah menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) mengenainya bagaimanapun masih belum diberitahu secara rasmi termasuk tempat ia akan berlangsung.

Katanya, pertemuan itu tidak perlu diperbesarkan, cuma inti pati perbincangan yang berlangsung sepanjang permukiman itu sudah pasti menjadi amanat kepada ahli BNBBC yang hadir.

"Kalau ada yang kata permukiman yang bakal berlangsung ini hanya memfokuskan kepada pilihan raya umum tidak betul kerana banyak lagi isu yang perlu dibincangkan dan dilaporkan kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri," katanya.